



AT-TAQWA

Diterbitkan Oleh, PEJABAT MUFTI NEGERI SELANGOR

التقوى



**Seri Paduka Dan Raja Permaisuri Agong
Menyaksikan Ibadah Korban
Di Pulau Indah**



**Medekati Masyarakat
Melalui Siri Ceramah**



**Menentukan Tarikh
Permulaan Syawal**

Pengenalan Ringkas Pejabat Mufti

Pejabat Mufti Negeri Selangor pada peringkat awalnya merupakan salah satu bahagian di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Ia dikenali sebagai Bahagian Fatwa. Pada tahun 1996, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan surat pekeliling mengenai pengasingan Bahagian Fatwa daripada Jabatan Agama Islam setiap negeri di Malaysia termasuk negeri Selangor. Maka bermulalah Pentadbiran Pejabat Mufti Negeri Selangor yang bertempat di bangunan Sultan Salahuddin Abd. Aziz Shah, Shah Alam.

Pejabat ini berfungsi untuk membantu dan mena-

sihtakan Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Kerajaan Negeri dalam perkara yang menyentuh persoalan agama meliputi semua aspek termasuk Akidah, Syariah, Ibadah, Sosial, Ekonomi dan Isu Semasa. Membuat kajian / Penyelidikan terhadap isu baru yang memerlukan keputusan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa).

Pejabat ini juga bermatlamat untuk mewujudkan satu pejabat yang benar-benar bertanggungjawab dalam memberi tumpuan sepenuhnya berhubung perkara yang berkaitan dengan Fatwa serta mewujudkan satu Pusat Kajian, Penyelidikan dan Pusat Maklumat Fatwa yang cekap dan berkesan.

Kandungan:

Mukasurat

Aktiviti: <i>Aktiviti Pejabat Mufti Selangor</i>	2
Keluarga: <i>Menggalak Anak Membaca</i>	5
Kisah Dan Tauladan: <i>Istana Dan Pemilik</i>	8
Soaljawab: <i>Bersama Dato' Mufti</i>	10
Tokoh Pilihan: <i>Sa'ad Bin Abi Waqqas</i>	12
Tazkirah: <i>25 Wasiat Luqman al-Hakim</i>	17



SIDANG REAKTOR

PENASIHAT

**Dato' Hj. Mohd Tamyas
Bin Abd. Wahid**

**Tn. Hj. Abd. Majid bin
Omar**

KETUA PENGARANG

**Ust. Md. Razali Bin
Hassanusi**

PENGARANG

Ust. Nurhelmi Bin Ikhsan

**Ustz. Haslina Bt. Mohd
Yusak**

FOTOGRAFI

**Tn. Hj. Zasali Bin Mohd.
Yunus**

PENGEDARAN

**En. Khalid Bin Abd.
Hamid**

PENERBIT

**Pejabat Mufti Negeri
Selangor
Tingkat 4 Podium Selatan
Bgn. SSAAS
40676 Shah Alam
Selangor.**

PENCETAK

**Prospecta Printers Sdn
Bhd.
No. 18, Jalan 34/10A
Kawasan Perindustrian IKS
Mukim Batu Fasa 4
68100 Kuala Lumpur.**

Aktiviti

PEJABAT MUFTI SELANGOR

8 & 9 November 1999:

Lawatan kerja ke Sarawak. Antara tempat yang dikunjungi ialah Pejabat Mufti, negeri Sarawak, Majlis Agama Islam Dan Pusat Latihan JAKIM, di Telaga Air, Sarawak.



Rombongan Pejabat Mufti Selangor bergambar dengan Pegawai Pusat Latihan JAKIM di Telaga Air Kuching, Sarawak.

13 & 14 November 1999:

Lawatan kerja ke Kelantan. Antara tempat yang dikunjungi ialah Pejabat Mufti Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Pusat Pengajian Pondok, Yayasan Islam dan Rumah Anak Yatim.



Majlis silaturrahim Pegawai Pejabat Mufti Selangor dengan Pusat Pengajian Pondok (Moden) di Bachok.



Mendengar Taklimat daripada Mufti Kelantan.



Bertukar-tukar pendapat mengenai isu-isu semasa.

April - 6 Mei 2000.

Timbalan Mufti Selangor, Hj. Abd. Majid Omar telah diundang oleh Persatuan Pelajar Islam Malaysia Kawasan Tohoka, Jepun untuk menjayakan program penghayatan Islam di sana. Program ini diadakan di beberapa kawasan seperti Akita, Herosaki, Yunezawa, Inage Shiba, Thuruoka Tukushima dan Iwate.



Timbalan Mufti Selangor (Dua dari kiri) dan Haji Mohamed Shafie (Tiga dari kiri), bergambar bersama pegawai kedutaan Malaysia di Tokyo, En. Abang Othman b. Abang Yusof (kanan sekali) dan dua rakyat Jepun.



Pelajar-pelajar Islam Malaysia di Jepun sedang mendengar ceramah oleh Timbalan Mufti Selangor di Pusat Belia Akita, Jepun.

3 Januari 2000:

Majlis penyampaian bantuan kepada Masjid, Surau dan Maahad Tahfiz oleh KFC Holding Sdn. Bhd. bertempat di Pejabat Mufti.

21 Mac 2000:

Majlis penyampaian bantuan kepada Anak Yatim dan Fakir Miskin sempena Hari Raya Aidil Adha oleh Tn. Hj. Mohd Yusof bin Shafie (Ketua Setiausaha Sulit, Menteri Besar Selangor). Bantuan ini ditaja oleh KFC Holding.



Bacaan doa selepas Penyampaian Bantuan Kepada Masjid, Surau dan Maahad Tahfiz oleh KFC Holding pada 3 Januari 2000 di Pejabat Mufti.



S. S. Dato' Mufti menerima watiqah perlantikan sebagai ahli Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) daripada DYMM Pemangku Raja Selangor, Tengku Idris Shah.



- Radio Malaysia Selangor telah mengundang Dato' Mufti dan Pegawai Mufti menjayakan program Bicara Ramadhan setiap hari di sepanjang bulan Ramadhan 1420 H bermula jam 6.30 hingga 7.00 malam.

- Begitu juga Pegawai-pegawai Pejabat Mufti sedang menjayakan program An-Nur yang ke udara setiap Khamis jam 6.00 - 7.00 malam.



Dato' Mufti bertukar cenderahati bersama Dato' Hj. Hasbullah B. Mohd. Hassan, Mufti Negeri Kelantan



Dato' Mufti mengetuai bacaan tahlil dan doa ketika DYMM Pemangku Raja Selangor Tengku Idris Shah berkenan menziarahi Makam DiRaja di Kelang, Selangor.



Dato' Mufti menyampaikan khutbah Jumaat sempena perasmian Masjid al-Hasanah, Bandar Baru Bangi pada 10 Mac 2000

Dato' Mufti menyampaikan kuliah bulanan pada minggu ketiga (hari Rabu) setiap bulan di Masjid Jamiul Muhsinin, Kg. Kundang, Kuala Langat.



Dato' Mufti mengiringi DYMM Yang Di Pertuan Agong dan DYMM Raja Permaisuri Agong yang berkenan menyaksikan upacara ibadah korban selepas menunaikan solat sunat Aidil Adha di Masjid Sultan Abd. Aziz, Pulau Indah, Pelabuhan Kelang.



Dato' Mufti membuat cerapan Hilal di Bukit Melawati, Kuala Selangor.

- Bagi menyahut saranan Kerajaan Negeri agar semua Jabatan di bawah Kerajaan Negeri mendapatkan pengiktirafan sijil MS ISO 9000, Pejabat Mufti Selangor tidak ketinggalan dan sedang berusaha ke arah tersebut. Bermula bulan Oktober 1999, Pejabat Mufti Selangor telah menubuhkan satu kumpulan khas yang diketuai oleh Timbalan Mufti selaku Wakil Pengurusan, telah mengadakan beberapa Bengkel dan Perbincangan dengan pihak MAMPU.



Ustaz Md. Razali Hassanusi menghadiri Bengkel Khidmat Nasihat Awam anjuran JAKIM di Port Dickson, Negeri Sembilan



Sedang mengadakan perbincangan dengan wakil MAMPU, En. Wan Noor b. Wan Jusoh mengenai pelaksanaan MS ISO 9000 di Putra Jaya

- Pejabat Mufti Selangor sentiasa menghantar pegawai dan kakitangannya menyertai pelbagai seminar, kursus, bengkel dan muzakarah yang dianjurkan oleh pelbagai pihak seperti Institusi-institusi Pengajian Tinggi, JAKIM, IKIM, ILIM, Badan Kerajaan, Berkanun, NGO dan sebagainya bagi mendapatkan pendedahan, ilmu, pengalaman disamping dapat memantapkan lagi Institusi Fatwa itu sendiri.

MENG GALAK ANAK MEMBACA



Ramai ibubapa mahu anak mereka pandai tetapi tidak pula menyediakan asas untuknya menuju ke arah tersebut. Anak adalah sumber insan yang perlu dibangunkan potensinya ke tahap yang optimum supaya menjadi individu berguna kepada keluarga, agama dan negara.

Telah banyak kesedaran masyarakat kita tentang pelaburan saham, tetapi ramai

yang tidak memahami selok-belok dan teknik dalam pelaburan insan iaitu anak-anak

kita. Ibubapa perlu memulakannya dari peringkat awal semasa anak-anak masih kecil supaya tidak terlewat kerana "*melentur buluh biarlah dari rebungunya.*" Bagaimanapun banyak mana dan siapa yang perlu melakukannya bergantung kepada sumber yang ada pada keluarga dan masyarakat setempat.

Apa yang jelas sekarang ialah masyarakat luar bandar terutamanya sangat kurang memberi penekanan kepada pelaburan insan. Kajian yang dijalankan menunjukkan ibubapa mahukan anak mereka berjaya tetapi sedikit sangat usaha dijalankan untuk menuju ke arah kejayaan.

Ibubapa haruslah menunjukkan teladan yang baik.

Kanak-kanak berumur 6 tahun ke bawah lebih sukakan buku-buku bergambar. Kanak-kanak di bawah 4 tahun sukakan gambar yang berwarna-warni seperti gambar binatang, gambar manusia dan barang-barang yang terdapat di sekeliling mereka.

Semasa bersama-sama dengan anak-anak, tunjukkanlah minat terhadap bahan bacaan seperti membaca suratkhbar, buku atau majalah. Dorong dan galakkanlah mereka untuk sama-sama membaca dan meminati bahan bacaan. Sekiranya mereka telah

Kanak-kanak 5-6 tahun pula sukakan buku-buku cerita bergambar dan buku-buku aktiviti seperti aktiviti mewarna, melukis dan lain-lain.

didorong untuk meminati buku sejak kecil lagi, maka tidak akan timbul masalah apabila mereka dewasa kelak.

Terdapat banyak bukti yang menunjukkan bahawa berumur 6 tahun ke bawah lebih sukakan buku-buku bergambar.

masyarakat luar bandar terutamanya sangat kurang memberi penekanan kepada "pelaburan insan"

kanak-kanak yang meminati buku sejak dari kecil lebih berjaya di dalam pelajaran mereka. Membaca bukanlah

satu aktiviti yang boleh dipaksa-paksa terutama kepada kanak-kanak yang lebih besar. Oleh itu pupuklah semangat suka membaca sejak anak-anak mula

pandai bercakap...

Wujudkan sebuah perpustakaan mini di rumah. Belikan buku-buku yang menarik mengikut peringkat umur kanak-kanak.

Sekiranya ibubapa tidak mampu membeli buku-buku

gambar manusia dan barang-barang yang terdapat di sekeliling mereka. Kanak-kanak 5-6 tahun pula sukakan buku-buku cerita bergambar dan buku-buku aktiviti seperti aktiviti mewarna, melukis dan lain-lain.



Galakan dan dorongan dari ibubapa amatlah penting. Selalulah bercerita kepada anak-anak tentang pen-

tingnya buku-buku dan faedah yang diperolehi daripada membaca. Ibubapa juga perlulah berbual kepada anak-anak tentang buku-buku dibacanya.

Apabila ada kelapangan, bawalah mereka ke perpustakaan awam. Tentu mereka seronok melihat buku-buku yang berbagai jenis. Membawa mereka ke kedai buku juga ada faedahnya. Ia merupakan satu rangsangan kepada mereka supaya minat membaca.

yang mahal, belilah secara beransur-ansur dari pameran-pameran buku yang mengadakan jualan murah. Kanak-kanak

ISTANA DAN PEMILIK

Seorang salih bercerita:

Ada seorang Raja yang membangun sebuah istana yang sangat indah, serba serbinya cantik serta megah sekali.


Selesai pembangunannya, Raja pun merasmikan bangunan indah itu dengan mengatur berbagai-bagai acara kebesaran dan tak ketinggalan dengan mengundang semua rakyatnya, dari orang-orang atasan, seperti para menteri dan pengiring istana hingga kepada orang-orang bawahan seperti pekerja-pekerja biasa, para fakir miskin dan sebagainya.

Terdapat dua cacat besar pada istana indah ini!’ salah seorang di antara orang-orang tua itu berkata:

‘Apa kata engkau? Ada dua cacat besar pada istana indah ini?!’ tanya penjaga istana itu dengan hairan.

Mereka kemudian dijamu dengan beraneka macam makanan

dan minuman, yang bukan main nikmat dan enak-naknya. Untuk memastikan keistimewaan istana itu Raja telah menempatkan beberapa penjaga di setiap pintu istana yang sangat indah itu untuk bertanya kepada setiap para undangan yang memasukinya akan keindahan, kemegahan serta kekukuhan istana itu, apakah di sana terdapat apa-apa cacat meski



pun yang paling kecil sekali pun?

Beribu-ribu para undangan yang datang mengunjungi istana itu, dan bila mereka ditanya tentang istana itu, ternyata jawabannya semuanya sama, iaitu ia adalah sebuah istana yang paling hebat, indah, megah dan kukuh dan sama sekali tidak terdapat apa cacat pun walaupun yang terkecil sekali.

Sebentar lagi, tibalah pula serombongan orang-orang itu yang bertampal-tampalan bajunya memasuki istana itu. Para penjaga menjamu mereka dengan sempurna, kemudian tidak lupa bertanya kepada mereka tentang pendapatnya pada istana yang indah itu.

dan mi-
numan,
yang
bukan
main
nikmat
dan
enak-
nya.

‘Terdapat dua cacat besar pada istana indah ini!’ salah seorang di antara orang-orang tua itu berkata:

‘Apa kata engkau? Ada dua cacat besar pada istana indah ini?!’ tanya penjaga istana itu dengan hairan.

‘Benar, terdapat dua cacat di dalamnya.’ jawabnya.


Penjaga istana itu lalu menahan sebahagian orang-orang tua itu lalu membawa mereka mengadap Raja seraya berkata kepadanya:

‘Wahai paduka Raja! Hamba telah bertanya kepada ribuan orang akan kehebatan, kemegahan, dan keindahan istana paduka. Semua orang mengatakan yang istana itu indah bangunannya dan sempurna, dan tidak ada suatu cacat pun padanya, meskipun yang terkecil.



Bahkan mereka telah memujimu setinggi langit. Tetapi apabila hamba bertanya kepada rombongan orang-orang tua ini justeru mereka telah mengatakan ada dua cacat besar pada istana paduka itu.”

Raja pun mengangguk-anggukkan kepalanya, kemudian bertanya: ‘Wahai saudara-saudara sekalian! Saya tak rela dengan ada kecacatan yang sekecil pun pada istana saya itu, tetapi saudara-saudara telah menyebutkan dua cacat besar padanya. Cubalah sebutkan kedua cacat itu!’ pinta Raja kepada orang-orang tua itu.



Seorang dari orang-orang tua itu menjawab:

'Bukankah istana indah ini pada akhirnya akan rosak?!' tanya seorang dari orang-orang tua itu.

'Ya, benar katamu itu!' jawab Raja.

'Itulah cacatnya yang pertama!'

'Habis apa pula cacatnya kedua?!' tanya Raja.

'Pemiliknya akan meninggal dunia, itulah cacatnya yang kedua.' jawab orang tua yang lain.

Raja tercengang mendengar jawapan itu, dan mengakui akan kebenaran kata-kata orang-orang tua itu. Dia termenung sejenak, kemudian berkata kepada mereka:

'Benar, dan sungguh benar jawapan saudara-saudara, namun adakah di sana istana yang tak kan rosak selama-lamanya, dan pemiliknya takkan mati seterusnya?' tanya Raja pula.

Orang-orang tua itu hampir serentak tersenyum dan ketawa. Seolah-olah mereka sudah menunggu soalan itu daripada Raja, dan mereka pun sudah ada jawapannya.

'Ada, wahai paduka Raja, ada,' jawab mereka serentak.

'Di manakah dia?'

'Di syurga! Syurga dan kenikmatannya tidak akan

'Di syurga! Syurga dan kenikmatannya tidak akan rosak buat selama-lamanya, dan pemiliknya juga tidak akan mati seterusnya!' jawab mereka lagi. Raja mengangguk-anggukkan kepalanya.

rosak buat selama-lamanya, dan pemiliknya juga tidak akan mati seterusnya!' jawab mereka lagi.



Raja mengangguk-anggukkan kepalanya.

'Alangkah bahagianya sekiranya paduka dapat memperolehnya, sebab jalan untuk memperolehnya bagi paduka sangatlah terbuka luas, dan tidak sukar,' tambah orang-orang tua itu.

'Cuba terangkan, bagaimanakah cara

memperolehinya?' tanya Raja.


'Mudah saja! Paduka akan memperolehnya dengan beriman kepada Allah s.w.t. dengan menjalani semua perintah dan menjauhi segala yang tiada diperkenankanNya. Sebaliknya jika paduka tidak mengerjakan semua itu, maka paduka akan menghadapi kecelakaan dan siksaan yang sangat pedih, iaitu yang berupa api neraka, kekal di sana yang kesakitannya tidak dapat dibayangkan,' jelas mereka sekalian.

'Baiklah, kalau begitu aku akan turuti segala nasihat saudara-saudara, dan akan

aku tinggalkan agama yang selama ini aku pegang. Aku beriman kepada Tuhan. Yang Maha Esa, dan aku akan tinggalkan kursi kerajaan ini untuk bertaubat kepadaNya,' balas Raja.

Raja itu benar-benar melaksanakan segala apa yang diucapkannya. Akhirnya jadilah ia sebagai hamba Allah yang salih, taat sehingga ke akhir hayatnya, dengan berkat ajakan hambaNya yang salih.

Ya Allah! Berilah hambaMu ini petunjuk dan hidayahMu dalam mengharungi kehidupan ini. Amin.





Soal jawab bersama Mufti




“ BERMIMPI KELUAR MANI ”

Soal: Seorang budak lelaki berumur 10 tahun dan belum berkhitan bermimpi keluar mani adakah diwajibkan budak tersebut mandi hadas?

Jawab: Wajib ke atas budak tersebut mandl hadas, kerana keluar mani itu adalah salah satu daripada perkara yang mewajibkan mandi sekalipun baru berusia 10 tahun maka kanak-kanak itu telah dihukumkan baligh.

Derma Darah



Soal: Apakah hukum orang Islam menderma darah?

Jawab: Hukum menderma darah adalah harus kerana Allah S.W.T. menggalakkan kita berbuat demikian sebagaimana Firmannya:

وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ (البقرة: ١٩٥)

Bermaksudnya: “Dan hendaklah kamu berbuat baik kerana sesungguhnya Allah amat Mengasihani orang yang berbuat baik.”

Soal: Adakah seseorang yang menderma darah kepada orang

lain yang menerimanya boleh dianggap sebagai saudara sedarah?

Jawab: Seseorang yang telah menerima darah daripada orang lain tidak dianggap sebagai saudara mengikut keturunan atau saudara susuan atau saudara persemendaan melainkan jika sudah ada talan persaudaraan lebih awal melalui keturunan atau susuan atau persemendaan. Di dalam Islam tiada istilah saudara sedarah.

Haram kerja membakar mayat

Soal: Apakah hukum orang Islam yang bekerja membakar mayat orang Hindu?

Jawab: Hukum membakar mayat adalah haram samada mayat orang Islam atau bukan Islam kerana ia menyiksa dan menyakiti mayat.



Berkesedudukan Haram


Soal: Seseorang wanita Islam berkesedudukan dengan lelaki yang bukan Islam atau sebaliknya tanpa nikah yang halal. Bagaimanakah kedudukan anak pasangan tersebut dan bolehkah di anggap Islam?

Jawab: Hukum berkesedudukan antara wanita Islam dan lelaki bukan Islam atau sebaliknya adalah haram dan dianggap zina. Perbuatan ini dikutuk dan dilaknat Allah. Anak yang lahir dari persekutubuhan yang haram adalah mengikut nasab ibunya, jika ibunya seorang Islam maka anaknya juga Islam atau sebaliknya.

Memakan Masakan Orang Cina

Soal: Apakah hukum makanan yang halal tetapi dimasak oleh orang Cina?

Jawab: Makanan yang halal yang dimasak oleh orang Cina sekiranya diyakini kesuciannya, adalah halal. Jika peralatan memasak yang terlebih dahulu digunakan untuk memasak makanan yang bernajis dan diyakini penggunaannya, hukumnya adalah haram. Walau bagaimanapun, sebagai seorang Islam digalakkan meninggalkan makanan yang meragukan sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksudnya: "Tinggalkanlah apa yang kamu ragu-ragu kepada yang tidak ada keraguan".



Bacaan Mazhab Beza sembahyang Sama

Soal: Adakah sah sembahyang berimankan seseorang yang bermazhab Hanafi tidak membaca bismillah di dalam Fatihahnya sedangkan bacaan bismillah di dalam Fatihah wajib bagi orang yang bermazhab Syafie?

Jawab: Sembahyang makmum yang bermazhab Syafie yang berimankan kepada orang yang bermazhab Hanafi adalah sah selagi makmum itu tidak mengiktikadkan bahawa sembahyang itu batal, kerana menurut mazhab Hanafi Bismillah tidak termasuk ayat dalam surah al-Fatihah.

Meracun Rumput Tanah Perkuburan

Soal: Apakah hukum meracun rumput di tanah perkuburan?

Jawab: Hukumnya adalah makruh kerana rumput tersebut sentiasa mendoakan kesejahteraan kepada mayat. Sebaik-baiknya memadam rumput di perkuburan dipotong dengan mesin.

Darah Nifas atau...?



Soal: Darah yang keluar selepas melahirkan anak adalah darah nifas. Adakah perempuan yang melahirkan anak melalui pembedahan keluar darah nifas?

Jawab: Jumhur ulamak mengatakan, perempuan yang melahirkan anak melalui pembedahan, tidak ada darah nifas. (Rujukan: "Kitab Fiq'hul-Mazahibil Arba' " jilid pertama)

Kain Telekung Jarang

Soal: Apakah hukum seorang wanita yang sembahyang dengan memakai kain telekung yang jarang sehingga kelihatan susuk tubuhnya?

Jawab: Hukum sembahyang wanita itu adalah tidak sah kerana wanita tersebut masih lagi dianggap belum menutup aurat.


PAHLAWAN ISLAM

SA'AD BIN ABI WAQQAS

ORANG YANG PERTAMA-TAMA me-
lemparkan lembing
dalam menegakkan
agama Islam adalah sa'ad
bin Abi Waqqas. Ia adalah
seorang sahabat besar, yang
digolongkan dalam tokoh
pahlawan Islam.

Sa'ad bin Abi Waqqas adalah seorang dari sepuluh orang sahabat yang telah dipersaksikan untuk mendapat syurga oleh Rasul, dan ia pula orang yang terakhir wafatnya dari antara yang sepuluh orang sahabat termaksud. Selain dari itu Sa'ad bin Abi Waqqas adalah orang pertama yang telah menumpahkan darahnya dalam menegakkan

Pada suatu waktu seolah-olah saya berada dalam keadaan gelap-gulita, tidak dapat melihat sesuatu apa-apa. Tiba-tiba muncullah bulan purnama bagaikan menumpahkan sinarnya dan saya berjalan mengikuti sinar bulan tersebut.



agama Ilahi. Juga Sa'ad bin Abi Waqqas adalah salah seorang dari enam sahabat yang ikut serta dalam permusyawaratan untuk memenuhi pesanan Khalifah Saiyidina Umar. Juga ia adalah seorang sahabat yang pernah dikatakan oleh Rasulullah s.a.w dengan sabdanya: "Bahawa Sa'ad bin Abi Waqqas adalah paman saya. Barangsiapa yang ingin melihat seseorang, maka hendaknya lihatlah pamannya."

Dalam silsilah keturunannya, Sa'ad bin Abi Waqqas telah bertemu silsilah keturunannya dengan keluarga pihak ibu Nabi dan keluarga pihak ayah Nabi. Oleh kerananya Sa'ad bin Abi Waqqas telah menghimpun silsilah dua keturunan yang mulia, iaitu Bani Hasyim dan Bani Abdi Syams, yang kedua-dua keluarga tersebut merupakan

pemain utama dalam sejarah perkembangan Islam dan kaum Muslimin.

Sa'ad bin Abi Waqqas dilahirkan dalam sebuah rumah yang mewah di antara rumah feudal Makkah, keturunan dari ibubapa yang terpandang pula. Dan ia dibesarkan bersama-sama anak-anak para pemimpin dan tokoh Makkah lainnya, pada saat-saat munculnya fajar kenabian dan Rasul telah mulai menjalankan dakwah Islamnya, sehingga dengan demikian Sa'ad bin Abi Waqqas yang ketika itu berumur 17 tahun segera menerima panggilan tersebut dan dengan keikhlasan Sa'ad bin Abi Waqqas memeluk agama Islam.

Diriwayatkan, bahawa Sa'ad bin Abi Waqqas pernah berkata: "Sebelum saya masuk Islam, saya pernah mimpi. Pada

suatu waktu seolah-olah saya berada dalam keadaan gelap-gulita, tidak dapat melihat sesuatu apa-apa. Tiba-tiba muncullah bulan purnama bagaikan menumpahkan sinarnya dan saya berjalan mengikuti sinar bulan tersebut. Dalam pada itu saya merasa seolah-olah ada beberapa orang yang mendahului saya dalam mengikuti sinar bulan tersebut. Saya melihat Said bin Harisah, Ali bin Abu Talib dan Abu Bakar as-Siddiq. Saya memajukan pertanyaan kepada mereka itu: Sejak kapan saudara-saudara tiba di tempat ini? dan mereka menjawab: Baru sebentar ini sahaja."

Demikianlah keterangan mimpi Sa'ad bin Abi Waqqas.

Sa'ad bin Abi Waqqas memeluk agama Islam

Pada suatu ketika Sa'ad bin Abi Waqqas mendapat berita bahawa Rasulullah s.a.w. telah memanggil orang-orang untuk agama Islam dengan cara sembunyi. Maka Sa'ad bin Abi Waqqas berusaha untuk menjumpai Nabi di salah satu lereng bukit di Jiad. Ketika itu Nabi

Demikian Sa'ad bin Abi Waqqas berpegang teguh kepada agama yang baru dipeluknya itu, dan mulailah ia mengayunkan bahtera kehidupannya, penuh dengan rasa kemesraan kepada agama Islam, dan penuh dengan usaha dan perjuangan dalam memperkokoh agama tersebut.

Sa'ad bin Abi Waqqas seorang tokoh dan pahlawan

Pada permulaan Islam, kebanyakan sahabat-sahabat Nabi apabila hendak melakukan

Sa'ad bin Abi Waqqas telah memberikan perlawanan yang amat dahsyat, bukan saja mampu bertahan, tetapi juga mampu melakukan serangan terhadap pihak musuh.

sembahyang, mereka pergi ke lereng-lereng bukit untuk melakukan sembahyang secara sembunyi, agar tidak terlihat oleh kaumnya.

Pada suatu ketika, Sa'ad bin Abi Waqqas bersama-sama dengan beberapa sahabat lainnya sedang melakukan sembahyang di

itulah merupakan darah yang pertama dialirkan dalam menegakkan agama Islam.

Bagaimana kepahlawanan Sa'ad bin Abi Waqqas jelas pula nampak pada ketika terjadi peperangan Uhud. Sebagaimana kita ketahui, dalam Perang Uhud tersebut kaum Quraisy mendatangi daerah Madinah, dan ingin menyusup ke dalam Kota Madinah. Tetapi mereka telah dapat dihentikan di luar Kota Madinah di salah satu kaki bukit yang bernama Bukit Uhud.

Sesungguhnya dalam Perang Uhud itu Tuhan telah mencuba kaum Muslimin tentang kesetiaan mereka terhadap agama Islam. Sa'ad bin Abi Waqqas telah memberikan perlawanan yang amat dahsyat, bukan saja mampu bertahan, tetapi juga mampu melakukan serangan terhadap pihak musuh.

Dalam perang Uhud tersebut kaum Muslimin menderita kekalahan demikian rupa, mereka tidak memiliki makanan kecuali daun-daun muda dan kulit sol sepatu. Sa'ad bin Abi Waqqas demikian hebatnya memberikan perlawanan dalam Perang Uhud tersebut, sampai-sampai Rasulullah s.a.w. menyatakan kepada Sa'ad bin Abi Waqqas:

"Tebusanmu adalah ibu dan bapa saya. Lemparkanlah lembingmu, wahai pemuda yang ganteng!"

Dalam hubungan ini Ali bin Abu Talib pernah mengatakan: "Tidak pernah Rasulullah s.a.w. menghimpun antara bapa dan ibunya dalam memanggil dan memberikan dorongan kepada seseorang kecuali kepada Sa'ad bin Abi Waqqas."

Selain dari itu Sa'ad bin Abi Waqqas telah mengikuti Perang

Sa'ad bin Abi Waqqas adalah termasuk pemuda yang paling pertama memeluk agama Islam.

Muhammad s.a.w. baru saja menyelesaikan sembahyang asar. Maka pada saat itulah Sa'ad bin Abi Waqqas menjelakan, bahawa tidak seorang pun yang mendahului masuk Islam, kecuali orang-orang yang diterangkan dalam mimpinya itu. Dengan demikian, Sa'ad bin Abi Waqqas adalah termasuk pemuda yang paling pertama memeluk agama Islam.

lereng bukit di Makkah, tiba-tiba dilihat oleh serombongan pemuda-pemuda musyrikin. Para pemuda musyrikin tersebut telah mencemuhkan dan mengejek agama Islam, sehingga terjadilah perkelahian, dan bahkan sampai terjadi pembunuhan, di mana seorang pemuda musyrikin telah dipukul oleh Sa'ad bin Abi Waqqas dengan sepotong tulang rahang unta. Dan dengan kejadian tersebut, maka

Benar-benar tentera Parsi tertawa terbahak-bahak dan mengejek lawannya, baik kerana melihat jumlah pasukan Islam yang demikian kecilnya, mahupun kerana melihat persiapan alat perlengkapannya yang amat sederhana, sedangkan tentera Parsi, selain dari jumlahnya yang amat menentukan, juga persenjataan mereka tergolong yang paling moden dalam zaman itu.

Badar yang terkenal itu, demikian juga Perang Ahzab, sebagaimana juga ia telah mengikuti seluruh peperangan di mana Rasul ikut serta dalam perang tersebut.

Kemenangan yang gemilang di al-Qadisiyah

Pasukan Sa'ad bin Abi Waqqas terus bergerak, mengambil posisi yang telah direncanakan, dan akhirnya sampailah pada suatu hari yang telah direncanakan, akhirnya sampailah pada suatu hari yang telah ditentukan oleh suratan Tuhan yang tidak dapat dirobah lagi, iaitu bertemunya tentera Sa'ad bin Abi Waqqas dengan tentera Parsi yang dipimpin oleh Panglima Rustum di suatu tempat yang bernama al-Qadisiyah, merupakan pintu gerbang untuk memasuki Iraq. Jumlah tentera Parsi ketika itu sebanyak tiga puluh ribu tentera tempur, sedang jumlah tentera Islam sekitar tujuh atau delapan ribu perajurit saja.

Benar-benar tentera Parsi tertawa terbahak-bahak dan mengejek lawannya, baik kerana melihat jumlah pasukan Islam yang demikian kecilnya, mahupun kerana melihat persiapan alat perlengkapannya yang amat

sedehana, sedangkan tentera Parsi, selain dari jumlahnya yang amat menentukan, juga persenjataan mereka tergolong yang paling moden dalam zaman itu.

Sebelum peperangan secara fizik dimulai, Sa'ad bin Abi Waqqas menyampaikan surat kepada Panglima Rustum yang bunyinya sebagai berikut:

"Sesungguhnya Allah s.w.t. telah mengutus kepada kami Nabi Muhammad s.a.w, maka kami merasa berbahagia menerima panggilan Tuhan dan mengikut Nabi tersebut. Nabi Muhammad telah menyuruh kami untuk berjihad menegakkan kebenaran yang datang dari Tuhan, sebagai suatu ideologi dan teori, baik untuk menyusun kesejahteraan dunia, lebih-lebih lagi dalam memberi petunjuk guna mengadbi kepada Tuhan. Juga kepada kami telah diperintahkan untuk menggempur barangsiapa yang mencuba melakukan fitnah terhadap agama kami, atau yang berusaha menghalangi pelaksanaan agama tersebut.

Oleh kerananya, dengan surat ini saya memanggil tuan untuk menyembah Tuhan Yang Maha Kuasa, Tuhan Yang Maha Mengetahui, Maha Bijaksana dan Tuhan Yang Maha Adil. Juga saya memanggil tuan untuk beriman

dan percaya, bahawa Muhammad s.a.w. adalah Rasul Tuhan yang diutus ke dunia ini, seperti juga Tuhan telah mengutus beberapa Nabi dan Rasul pada masa-masa yang lalu, seperti Ibrahim, Musa, Isa dan lain-lainnya, dengan membawa agama menurut kondisi perikemanusiaan dan kondisi dunia pada ketika itu.


Apabila tuan suka menerima dan menjalankan panggilan saya ini, maka perdamaian, ketenteraman dan kesejahteraan yang akan kita peroleh bersama. Tetapi jikalau kebenaran itu tidak dapat tuan terima, maka pedang dan senjata yang akan berbicara antara pihak kami dengan pihak tuan."

Terhadap surat Sa'ad bin Abi Waqqas itu Panglima Rustum menjawab sebagai berikut:

"Demi keagungan matahari dan bulan, tidak akan terangkat tirai pagi dibesok hari, melainkan pasti kami akan dapat membunuh kamu sekaliannya."

Pembawa surat Sa'ad berdiri tegak mengadap Rustum yang sedang dalam keadaan marah dan congkak itu seraya mengucapkan





kata-kata: La haula wala quwwata illa billah.

Keadaan Rustum seolah-olah bagaikan orang yang kesurupan iblis dan sihir ketika membaca surat Sa'ad bin Abi Waqqas tadi, kerana ia merasa sombong dan takbur, baik disebabkan kerana melihat persenjataan yang dimilikinya, maupun kerana melihat banyaknya tentera yang telah dipersiapkannya.

Pada saat yang demikian itu sedikitpun tidak terfikir oleh Rustum, bahwa takdir Tuhan dapat berbuat jauh dari apa yang diharapkan olehnya. Dan memang demikianlah halnya!!!

Rustum sebagai seorang panglima dari raja absolute penyembah berhala, pemuja manusia dan benda, penuh dengan ketakburan dan kesombongan, penuh dengan berbagai tipu-daya dan lain-lain kejahatan. Oleh kerananya, maka surat Sa'ad bin Abi Waqqas itu dijawab dengan tentangan dan ejekan, seperti tercantum di atas tadi.

Setelah menerima jawaban dari Rustum, Sa'ad bin Abi Waqqas mengambil putusan untuk melakukan serangan terhadap mereka dan pada kesudahannya peperangan telah membawa kemenangan bagi Sa'ad bin Abi Waqqas dan bala tenteranya. Selain dari Panglima Rustum menyerah kalah, juga sebahagian dari anak-anak perempuan Kerajaan Parsi (Kisra) menjadi tawanan. Sedang sebahagian dari tentera Rustum dapat dibinasakan. Berhubung dengan itu, maka para pembesar pemerintahan sipil dan pejabat dibidang pekerjaan umum dan pembesar-pembesar istana menyerah kalah kepada Panglima Sa'ad bin Abi Waqqas.

Menjadi Gabenor di Kufah

Sesudah pelantikan Khalifah Usman bin Affan, dan Khalifah mengetahui kelebihan dan keikhlasan Sa'ad bin Abi Waqqas dalam memberikan perkhidmatannya kepada Islam dan kaum Muslimin, maka Khalifah Usman telah mengangkat Sa'ad bin Abi Waqqas

menjadi Gabenor di Kufah, dan memberikan hak otonomi yang luas kepadanya dalam melakukan pembangunan di Iraq, kerana Khalifah menyedari, bahawa Sa'ad bin Abi Waqqas jauh lebih mengetahui tentang problem yang ada di Iraq, dan jauh lebih mampu untuk mengadakan pengorganisasian, baik dalam

bidang tatanegara, maupun bidang ekonomi, apalagi setelah Sa'ad bin Abi Waqqas berhasil mengadakan pembersihan secara total di seluruh daerah Iraq.

Kelebihan sifat-sifat Sa'ad bin Abi Waqqas

Sa'ad bin Abi Waqqas adalah seorang Jeneral yang penuh kasih sayang terhadap para perajuritnya, bagaikan kasih sayang ibu terhadap anaknya, sehingga hal tersebut dirasakan oleh para perajurit yang ada dalam bawahannya, kerana itu para perajuritnya sangat cinta kepadanya. Di samping ia demikian sayangnya terhadap para perajuritnya, pun para perajuritnya demikian cintanya kepadanya, dengan menunjukkan keikhlasan dan disiplin mereka di dalam segala gerak-gerinya, maka dengan demikian pertolongan Tuhan pasti akan tiba.

Dalam pergaulannya sehari-hari, Sa'ad bin Abi Waqqas tidak pernah membedakan orang

kecil dan orang besar, tidak membedakan antara seorang Arab dengan orang yang bukan Arab. Ia mempunyai pendirian, bahawa seluruh perajuritnya adalah bagaikan anak sisir, barangsiapa yang mampu memperlihatkan kelebihanannya di dalam peperangan, maka Sa'ad bin Abi Waqqas segera memberikan penghargaannya, baik memberikan ghanimah, maupun dengan menganugerahkan bintang-bintang kebesaran.

Sa'ad bin Abi Waqqas adalah tergolong tokoh inti daripada bangsa Arab. Diriwatkan, bahawa ia telah membangunkan sebuah rumahnya di suatu tempat yang bernama Aqiq, 8 mil dari Kota Madinah. Di depan rumahnya dibangun sebuah perkarangan yang cukup luas dan pada tingkat yang paling atas dari rumahnya itu dibangun tempat untuk istirehat.

Ahli sejarah meriwayatkan, bahawa Khalifah Usman bin Affan pernah menetapkan sebidang tanah untuk Sa'ad bin Abi Waqqas di suatu desa yang bernama Himiz di daerah Parsi.

Sa'ad bin Abi Waqqas termasuk salah seorang tokoh sahabat besar yang banyak meriwayatkan Hadis Nabi, dan ia mempunyai beberapa orang anak yang semuanya merupakan ulama sahabat yang terkemuka.

Kebetulan bahawa Sa'ad bin Abi Waqqas, Talhah, Zubair dan Ali bin Abu Talib memasuki agama Islam dalam waktu yang bersamaan. Oleh kerananya, maka penghasilan (gaji) yang diberikan kepada Sa'ad bin Abi Waqqas dan teman-temannya itu sama besarnya.

Selain dari itu Sa'ad bin Abi

Waqqas terkenal sebagai seorang tokoh sahabat yang doanya dikabul oleh Tuhan. Dalam hubungan ini Rasulullah s.a.w. mengu-capkan dalam salah satu doa beliau sebagai berikut:

"Wahai Tuhanku, terima-lah doa Sa'ad bin Abi Waqqas apabila ia berdoa kepadaMu."

Berhubung dengan itu, maka tidak ada doa yang diucapkan oleh Sa'ad bin Abi Waqqas melainkan Tuhan menerimanya.

Dalam sejarah disebutkan, bahawa di antara sahabat-sahabat



yang paling berbahagia terhadap Umar Ibnul Khattab, Ali bin Abu Talib, Zubair Ibnul Awwam dan Sa'ad bin Abi Waqqas.

Sa'ad bin Abi Waqqas termasuk orang yang paling tajam penglihatan matanya. Hal tersebut dapat dibuktikan, bahawa pada suatu hari ia melihat sesuatu yang melinat secara cepat, dan ia bertanya kepada orang-orang yang ada di sekitarnya: "Apakah yang kamu lihat?"

Jawab teman-temannya: "Kami hanya melihat burung."

Sa'ad bin Abi Waqqas berkata "Saya melihat seorang mengenderai unta," Dan beberapa saat kemudian benar saja paman Sa'ad sedang mengenderai unta menuju mereka. Kemudian Sa'ad berdoa: "Wahai Tuhanku, kami berlindung kepadaMu daripada kejahatan yang bersama-sama unta tersebut."

Wasiatnya sebelum meninggal dunia

Takdir Allah telah menentukan untuk mengakhiri sejarah yang sangat harum yang dibawakan oleh Sa'ad bin Abi Waqqas selama ia menjalankan tugasnya. Sampailah Sa'ad bin Abi Waqqas pada detik-detik hendak mengakhiri riwayatnya, ia meminta supaya ia dipakaikan baju jubah yang diperbuat dari bulu, dan minta dikapankan dengan baju jubah tersebut.

"Dengan baju jubah itulah saya dahulu berhadapan dengan kaum Musyrikin pada hari Perang Badar, oleh kerananya saya sangat sayang kepada baju jubah tersebut."

Dengan ucapan demikian itulah Sa'ad bin Abi Waqqas pulang ke rahmatullah, setelah mempersembahkan segala sesuatunya ke hadhrat Tuhan, untuk kemudian bisa berjumpa dengan Rasul s.a.w..

Diriwayatkan, bahawa beliau meninggalkan kekayaan sebanyak 25 ribu dirham, dan beliau mengakhiri umurnya dalam usia 72 tahun. Beliau wafat pada tahun 55 Hijrah.

Mudah-mudahan Tuhan melimpahkan keberkatan, kepalawanan, dan keikhlasan Sa'ad bin Abi Waqqas kepada kita sekalian.

25 Wasiat Luqman al-Hakim

Para ulama telah mentafsirkan 25 wasiat Luqman kepada anaknya menerusi satu riwayat seperti yang terkandung dalam Tafsir Ruhul Ma'ani dan Kitab Hidayatul Mustarsyidin, iaitu;

Seandainya orang tuamu memarahimu, maka marahnya itu umpama siraman air bagi tanam-tanaman yang kering kontang

Nasihat 1

Wahai anakku, sesungguhnya dalam dunia ini bagaikan lautan yang dalam, banyak manusia yang karam di dalamnya. Bila engkau ingin selamat (tidak karam), layarilah lautan itu dengan sampan yang bernama TAKWA, isinya ialah iman dan layarnya ialah tawakkal (berserah kepada Allah).

Nasihat 2

Hendaklah kamu sentiasa bersedia untuk menerima nasihat, supaya kamu mendapat penjagaan daripada Allah S.W.T.. Orang yang insaf dan sedar setelah menerima nasihat daripada orang lain, akan sentiasa menerima kemuliaan dari Allah Taala.

Nasihat 3

Wahai anakku! Orang yang merasa dirinya hina dan rendah di sisi Allah, maka orang itulah yang akan lebih dekat kepada Allah kerana ia sentiasa menghindarkan dirinya daripada melakukan maksiat.

Nasihat 4

Wahai anakku! Seandainya orang tuamu memarahimu, maka marahnya itu umpama siraman air bagi tanam-tanaman yang kering kontang.

Bergaul mesralah dengan orang alim dan berilmu.

Nasihat 5

Jauhilah dirimu dari berhutang, kerana sesungguhnya berhutang itu akan menjadikan dirimu hina di waktu siang dan hina di waktu malam.

Nasihat 6

Selalulah berharap kepada Allah supaya kamu terhindar daripada menjadi orang-orang yang menderhaka. Takutlah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takut, supaya kamu terlepas daripada sifat putus asa dan tidak beroleh rahmat Allah Taala.

Nasihat 7

Wahai anakku! Seseorang pendusta itu akan hilang kejernihan air mukanya kerana ia tidak lagi dipercayai orang lain. Seseorang yang telah rosak akhlaknya akan sentiasa memikirkan perkara-perkara yang tidak benar. Ketahuilah bahawa memindahkan batu besar yang berat dari tempat asalnya adalah lebih mudah daripada memberi pengertian kepada orang-orang yang tidak mahu mengerti.

Nasihat 8

Wahai anakku! Engkau telah merasakan betapa beratnya mengangkat batu yang amat berat, tetapi adalah lebih berat jika engkau mempunyai jiran tetangga yang jahat.

Wahai anakku! Janganlah terlalu cenderung dan sibukkan dirimu kepada hal dunia semata-mata sehingga melupakan akhirat, kerana engkau diciptakan oleh Allah bukannya untuk urusan dunia sahaja. Sesungguhnya tidak ada orang yang lebih hina melainkan orang yang terpedaya dengan dunia semata-mata.

Nasihat 9

Wahai anakku! Janganlah sekali-kali engkau mengirim utusan melalui orang bodoh dan jahat. Maka bila tidak ada orang yang baik dan cerdik, sebaik-baiknya engkau sendiri sajalah yang menjadi utusan.

Nasihat 10

Jauhilah sifat dusta, sebab berdusta itu mudah dilakukan seperti memakan daging burung, tetapi sedikit sahaja perbuatan dusta yang dilakukan akibatnya amat besar.

Nasihat 11

Wahai anakku! Bila engkau menghadapi dua pilihan, menziarah orang mati atau menghadiri majlis perkahwinan, maka hendaklah engkau menziarahi orang yang telah mati kerana menziarahi orang mati itu akan mengingatkan engkau kepada hari akhirat.

Seseorang pendusta itu akan hilang kejernihan airmukanya kerana ia tidak lagi dipercayai orang lain. Seseorang yang telah rosak akhlaknya akan sentiasa memikirkan perkara-perkara yang tidak benar.

Sedangkan menghadiri majlis perkahwinan itu hanyalah mengingatkan kamu kepada kesenangan hidup di dunia.

Nasihat 12

Janganlah engkau makan atau minum yang berlebihan kerana sesungguhnya makan yang terlalu kenyang itu akan merosakkan diri dan pemikiranmu. Alangkah baiknya makanan yang lebih itu diberikan kepada anjing saja.

Nasihat 13

Wahai anakku! Janganlah engkau menelan terus sesuatu makanan kerana manisnya dan janganlah engkau terus memuntahkan sesuatu barang kerana pahitnya. Yang manis itu belum tentu mendatangkan kebaikan dan yang pahit itu belum tentu mendatangkan musibah.

Nasihat 14

Makanlah bersama orang-orang yang bertakwa, dan musyawarahlah segala urusanmu dengan para alim ulama dengan cara memohon nasihat daripadanya.

Nasihat 15

Wahai anakku! Bukanlah suatu kebaikan nama-nya apabila engkau selalu mencari ilmu tetapi engkau tidak mahu

mengamalkannya. Hal itu tidak ubahnya seperti orang yang mencari kayu api, setelah banyak terkumpul maka dia tidak mampu memikulnya pada-hal dia masih terus mengumpulkannya.

Nasihat 16

Wahai anakku! Apabila engkau ingin mencari teman sejati, maka ujilah terlebih dulu dengan perkara yang menaikkan kemarahannya. Bilamana dalam kemarahan itu dia masih berusaha untuk menasihati, maka bolehlah engkau ambil sebagai kawan, dan sekiranya bukan demikian maka berhati-hatilah terhadapnya.

Selalulah berharap kepada Allah supaya kamu terhindar daripada menjadi orang-orang yang menderhaka. Takutlah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takut, supaya kamu terlepas daripada sifat putus asa dan tidak beroleh rahmat Allah Taala

Nasihat 17

Perbaiki tutur katamu, halusilah budi bahasamu dan manis wajahmu, kerana engkau akan disukai orang, lebih daripada barang berharga yang pernah diberikan kepadanya.

Nasihat 18

Wahai anakku! Apabila engkau berteman jadikanlah dirimu orang yang tidak pernah mengharap sesuatu daripadanya.

Nasihat 19

Jadikan dirimu sebagai seorang yang tidak berhajatkan kepada puji-pujian atau menagih sanjungan daripada orang lain, kerana jika itu yang kamu hajati dirimu akan beroleh kecelakaan.

Nasihat 20

Wahai anakku! Usahakanlah agar mulutmu jangan mengeluarkan kata-kata kotor dan kasar kerana engkau akan lebih selamat apabila berdiam diri. Kalau berbicara, janganlah berkata-kata melainkan ia memberi manfaat kepada orang lain.

Nasihat 21

Wahai anakku! Janganlah terlalu cenderung dan sibukkan dirimu kepada hal dunia semata-mata sehingga melupakan akhirat, kerana engkau diciptakan oleh Allah bukannya untuk urusan dunia sahaja. Sesungguhnya tidak ada orang yang lebih hina melainkan orang yang terpedaya dengan dunia semata-mata.

Jadikan dirimu sebagai seorang yang tidak berhajatkan kepada puji-pujian atau menagih sanjungan daripada orang lain,

Nasihat 22

Wahai anakku! Janganlah engkau terlalu mudah ketawa kalau bukan perkara yang menggelikan, jangan bertanyakan sesuatu yang tidak ada gunanya bagi diri kamu dan janganlah engkau mensia-siakan harta duniamu.

Nasihat 23

Barangsiapa yang penyayang sudah tentu ia akan disayangi, siapa yang suka berdiam diri sudah tentu akan selamat daripada berkata-kata perkara yang mengandungi racun dan barang siapa yang tidak menahan

lidahnya daripada berkata kotor, sudah tentu ia akan menyesal.

Nasihat 24

Wahai anakku! Bergaul mesrallah dengan orang alim dan berilmu. Perhatikanlah kata-kata nasihatnya kerana sesungguhnya akan sejuk hatimu bila mendengarnya, hidupkanlah hatimu dengan cahaya hikmah yang diperolehi daripada mutiara kata-kata alim ulama kerana mereka bagaikan tanah subur yang disirami hujan.

Nasihat 25

Wahai anakku! Ambillah harta dunia sekadar keperluanmu, dan nafkahlah yang selebihnya untuk akhirat. Jangan engkau tendang dunia ini ke bakul sampah, kelak dirimu akan menjadi pengemis yang membebankan orang lain. Sebaliknya jangan engkau peluk dunia ini dengan meneguk habis airnya, kerana sesungguhnya semua yang engkau makan dan pakai itu adalah tanah belaka. Janganlah engkau bertemankan orang bodoh dan bermuka-muka kerana mereka akan membahayakan dirimu sendiri.

“Barangsiapa yang penyayang sudah tentu ia akan disayangi, siapa yang suka berdiam diri sudah tentu akan selamat daripada berkata-kata perkara yang mengandungi racun...”

(Kata-kata daripada Luqman Al-Hakim.)

(Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka."

(Maksud Ayat 191 - Surah Ali Imran)

